

**MASALAH PENYEBUTAN BUNYI KONSONAN DAN VOKAL BAHASA MELAYU DI
DALAM KALANGAN PELAJAR THAI: KAJIAN KES DI KOLEJ KESIHATAN
SIRINTHORN YALA**

Nurhuda Sadama

Pensyarah, Fakulti Sains Kemanusiaan dan Sosial,

Universiti Yala Rajabhat, Thailand

Tel : 089-7373805

Nurhuda.s@yru.ac.th

Dr. Farok Zakaria

Pensyarah, Kolej Pengajian Islam,

Universiti Pince of Songkhla, Thailand

Farok.b@psu.ac.th

Khuzaiton Zakaria

Pensyarah, Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah

Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia

khuzaiton@umk.edu.my

Abstrak

Penulisan ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman mengajar Bahasa Melayu kepada pelajar di Kolej Kesihatan Sirinthorn Yala. Pembentang ialah salah satu-satunya pengajar Kursus Bahasa Melayu yang juga merupakan anak jati Melayu. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti masalah penyebutan bunyi konsonan dan vokal bahasa Melayu (BM) yang menjadi masalah bagi pelajar Thai serta meneliti faktor dan punca masalah tersebut. Hasil dari kajian memperlihatkan beberapa masalah penyebutan BM bagi pelajar Thai yang mempelajari BM di Kolej Kesihatan Sirinthorn Yala iaitu 1) Penyebutan mengikut bunyi dialek Melayu Patani (DMP), 2) Kekeliruan penyebutan vokal /e/ “taling” dan /e/ “pepet”, 3) Kekeliruan penyebutan konsonan dan vokal yang sama dengan Bahasa Inggeris (BI), 4) Kesalahan menyebut bunyi konsonan yang tidak ada di dalam Bahasa Thai (BT) dan BI, dan 5) Tidak boleh menyebut konsonan penutup yang tidak berbunyi dalam BTh dan BI. Punca kesalahan penyebutan bunyi konsonan dan vokal BM di dalam kalangan elajar Thai ialah pengaruh dialek Melayu Patani (DMP) dan pengaruh bahasa asing. Terdapat dua bahasa yang mempengaruhi penyebutan bunyi dan vokal BM di dalam kalangan pelajar Thai iaitu bahasa Thai (BTh) dan bahasa Inggeris (BI)

Kata kunci: Bahasa Melayu, Masalah Penyebutan, Pelajar Thai, Bunyi Konsonan, Bunyi Vokal

a) Pengenalan

Penulisan kertas kerja ini tentang masalah penyebutan bunyi konsonan dan vokal bahasa Melayu di dalam kalangan pelajar Thai : kajian kes di Kolej Kesihatan Sirinthorn Yala bertujuan untuk mengenalpasti masalah penyebutan bunyi konsonan dan vokal bahasa Melayu yang menjadi masalah pelajar Thai serta meneliti faktor dan punca masalah tersebut.

b) Latar Belakang kajian

Kolej Kesihatan Sirinthorn Yala merupakan salah satu Kolej kerajaan di kawasan wilayah sempadan selatan Thailand (WSST) wilayah Yala (atau dikenali sebagai bandar Jala). Bahasa Melayu (BM) di Kolej Kesihatan Sirinthorn Yala dimulakan pengajarannya pada tahun 2008 Masihi atau 10 tahun yang lalu sebagai mata kuliah wajib iaitu setiap orang pelajar di Kolej Kesihatan Sirinthorn Yala wajib mengambil kursus Bahasa Melayu 4 credit iaitu mata kuliah Bahasa Melayu untuk Berkomunikasi (2100107) (2 credit) dan Bahasa Melayu untuk Berkomunikasi dan Pembangunan Pembelajaran (2100108) (2 credit). Kursus BM adalah sebagai pensyarat untuk lulus dalam pengajian di Kolej Kesihatan Sirinthorn Yala. Pelajar Kolej Kesihatan Sirinthorn Yala yang mengambil kursus BM amnya mempunyai latar belakang yang berbeza-beza. Majoriti pelajar-pelajar di Kolej Kesihatan Sirinthorn Yala berasal daripada bahagian selatan Thailand iaitu wilayah Phuket, Krabi, Ranong, Phang-nga, Trang, Suratthani, Nakorn Si Thammarat, Phattalung yang tidak mampu bertutur bahasa Melayu langsung dan dari wilayah sempadan selatan Thailand iaitu wilayah Pattani, Yala, Narathiwat, Songkhla, dan Setun (DMP/DMS) yang mampu bertutur dalam dialek Melayu Patani. Manakala terdapat juga pelajar yang tidak mampu bertutur bahasa Melayu langsung iaitu pelajar tersebut berasal dari bahagian tengah Thailand iaitu wilayah Suphanburi.

c) Permasalahan Kajian

Kajian ini dilakukan dengan melihat kepada permasalahan seperti berikut : Masalah penyebutan bunyi konsonan dan vokal BM adalah masalah pertama yang para pengajar BM kepada orang asing menghadapi selepas kelas dimulakan. Di dalam kalangan pelajar-pelajar Thai, masalah ini bukan sahaja dihadapi di dalam kalangan pelajar-pelajar yang tidak bertutur dalam BM tetapi masalah ini juga terjumpa di dalam kalangan pelajar yang mampu bertutur dalam DMP/DMS. Setiap orang pelajar mempunyai masalah penyebutan konsonan dan vokal yang berbeza-beza mengikut latar belakang penguasaan BM masing-masing. Pengetahuan masalah ini adalah penting. Berdasarkan masalah tersebut boleh memperlihatkan punca kesalahan penyebutan bunyi konsonan dan vokal. Kesimpulan dari punca masalah tersebut akan digunakan untuk menyelesaikan masalah yang berlaku serta mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran BM di dalam kalangan pelajar-pelajar Thai pada masa akan datang.

Objektif Kajian

Objektif Kajian ini merupakan seperti beriku; 1) Untuk mengenalpasti penyebutan bunyi konsonan dan vokal BM yang menjadi masalah bagi pelajar-pelajar di Kolej

Kesihatan Sirthorn Yala. 2) Untuk meneliti punca masalah penyebutan bunyi konsonan dan vokal bM di dalam kalangan pelajar Thai di Kolej Kesihatan Sirthorn Yala.

Batasan Kajian

Batasan kajian ini ialah 1) Mengkaji masalah penyebutan bunyi konsonan dan vokal bM di dalam kalangan pelajar-pelajar Thai di Kolej Kesihatan Sirthorn Yala. 2) Kajian ini dilakukan di dalam kalangan ajar-pelajar Thai kursus Bahasa Melayu untuk berkomunikasi (2100107) sesi 2017/2560 semester 1, Jurusan Perubatan Thai Tradisional Tahun 1, di Kolej Kesihatan Sirthorn Yala.

Konsep

Dalam bahagian ini pengkaji membincangkan konsep beberapa perkataan yang berkaitan dengan kajian seperti konsonan, vokal, dan diftong.

1. Konsonan

Berdasarkan Kamus Pelajar Edisi Kedua, konsonan adalah bunyi bahasa (yang lain daripada bunyi vokal) seperti yang dilambangkan dengan huruf-huruf b, c, d, dan lain-lain atau huruf-huruf yang melambangkan bunyi tersebut.

Jadual 1: Fonem Konsonan di dalam Bahasa Melayu

	<u>Dwibibir</u>	<u>Bibir-gigi</u>	<u>Gigi/Gusi</u>	<u>Bel.gusi</u>	<u>Lelangit</u>	<u>Velum</u>	<u>Uvula</u>	<u>Petisuara</u>
<u>Sengau</u>	m /m/		n /n/		ny /ŋ/	ng /ŋ/		
<u>Letupan/Hentian</u>	p /p/ b /b/		t /t/ d /d/			k /k/ g /g/		k (hujung)/q /ʔ/
<u>Letusan</u>				c /tʃ/ j /dʒ/				
<u>Geseran</u>		f /f/ v /v, ʋ/	s /s/ z /z/	sy /ʃ/				h /h/
<u>Malaran takgeser</u>					y /j/	w /w/		
<u>Getaran</u>			r /r/*					
<u>Sisian</u>			l /l/					

Sumber:

<http://ms.wikipedia.org/wiki/>

2. Vokal

Kamus Pelajar Edisi Kedua memberi makna vokal bahawa vokal adalah bunyi suara yang dilambangkan dengan huruf-huruf a, e, i, o, u.

Ketinggian	<u>Depan</u>	<u>Pusat</u>	<u>Belakang</u>
<u>Sempit</u>	i /i/		u /u/
<u>Separuh sempit</u>	e /e/		o /o/
<u>Tengah</u>		e /ə/	
<u>Separuh luas</u>	e [ɛ]*		o [ɔ]*
<u>Luas</u>		a /a/	a [ɑ]*

Sumber:

<http://ms.wikipedia.org/wiki/>

3. Diftong

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi keempat mendefinisikan diftong bahawa diftong adalah gabungan dua bunyi vokal yang disebut dalam satu suku kata akibat perubahan kedudukan lidah seperti ai, au, dan oi.

Ortografi	IPA
ai	[aɪ, ai]
au	[aʊ, au]
oi	[oi]

Sumber:

http://ms.wikipedia.org/wiki/Bahasa_Melayu

d) Metodologi Kajian

Metodologi Kajian yang dilakukan dalam kajian ini terdiri daripada kaedah kepustakaan dan kerja lapangan.

1. Kaedah Kepustakaan

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji melakukan kajian kepustakaan untuk mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan. Antara bahan yang digunakan di perpustakaan ialah buku, makalah, majalah, kertas kerja, jurnal, dan tesis yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Tulisan utama yang digunakan oleh pengkaji ialah bahan-bahan yang berkaitan dengan masalah penyebutan bunyi konsonan dan vokal pelajar yang mempelajari bahasa asing.

2. Kaedah Kerja Lapangan

Kaedah kerja lapangan mencukupi pemerhatian dan temu bual berdasarkan teks ujian bacaan BM. Kaedah kerja lapangan yang akan digunakan oleh pengkaji adalah seperti berikut:

2.1 Pemilihan Informan

Informan dalam kajian ini terdiri daripada pelajar kursus Bahasa Melayu untuk berkomunikasi (2100107) sesi 2017/2560 semester 1, Jurusan Perubatan Thai Tradisional Tahun1, di Kolej Kesihatan Sirinthorn Yala.

Jadual 4. Maklumat Pelajar Jurusan Perubatan Thai Tradisional

Maklumat Pelajar	Pelajar Lelaki	Pelajar Perempuan	Jumlah Pelajar(orang)	Peratusan (%)
Muslim dan boleh berbahasa Melayu Dialek Patani (DMP/DMS)	1	4	5	13.8
Muslim dan tidak boleh berbahasa Melayu	1	17	18	50.00
Bukan Muslim tidak boleh berbahasa Melayu	2	11	13	36.11
Jumlah	4	32	36	100.00

2.2 Temu bual

Temu bual ini dilakukan dengan menggunakan soal temubual dan ujian bacaan (sila lihat Lampiran A) dan mendengar serta mencatat penyebutan yang salah disebut oleh pelajar.

2.3 Analisis Data

Data yang di analisis adalah berdasarkan kesalahan setiap perkataan dalam ujian bacaan. Kemudian dirumuskan kesalahan setiap huruf konsonan dan vokal. Pengkaji akan menganalisis tiap-tiap huruf yang salah disebut oleh pelajar dengan peratusan dan akan dibincangkan punca kesalahan huruf tersebut.

e) Dapatan Kajian

Hasil yang didapati daripada ujian bacaan memperlihatkan perkataan yang salah disebut oleh pelajar dan juga memperlihatkan kesalahan penyebutan setiap perkataan melalui bunyi konsonan atau vokal. Masalah yang banyak dijumpai adalah kekeliruan bunyi konsonan /g/,/ng/, /j/, /ny/, /c/, /r/, /t/, dan /h/. dan vokal seperti /e/ “taling” dengan /e/ “pepet”, /u/, /i/, /a/, dan /au/. Sila lihat Jadual 5 untuk lihatkan kesalahan setiap perkataan yang salah disebut oleh mahasiswa/wi.

Jadual 5: Kesalahan penyebutan bunyi konsonan dan vokal

berdasarkan ujian teks bacaan

Bilangan	Perkataan	Kesalahan
1	arah	1. /aroh/ 2. /alah/
2	mata angin	1. /mato angin/ 2. /mata Anggin/
3	negara	1. /negaro/ 2. /nekala/
4	merupakan	1. /merupokan/ 2. /melupakan/
5	cuaca	1. /cuaco/ 2. /khua-kha/
6	udaranya	1. /udaronyo/ 2. /udala-ya/
7	sangat	1. /sakat/
8	Timur Tengah	1. /Timu Tekah/
9	juga	1. /jugok/ 2. /cuka/ /yuka/
10	pada	1. /pado/
11	mempunyai	1. /mempunyo/ 2. /mempun-ya-i/ 3. /mempun-ya-i/ (e-taling)
12	tiga	1. /tigo/ 2. /tiko/

13	musim	1. /musem/
14	panas	1. /panah/
15	hujan	1. /hucan/ 2. /huyan/
16	ramai	1. /lamai/
17	sejuk	1. /sejok/ 2. /seyok/
18	orang	1. /olang/
19	melancong	1. /melankhong/
20	Sembilan	1. /sembilan/ (e-taling)
21	melawat	1. /melawat/ (e-taling)
22	Pasir Putih	1. /pasi putek/
23	Air terjun	1. /air tecun/
24	Paco	1. /Pakho/
25	kebiasaannya	1. /kebiasaannyo/ 2. /kebiasaan-ya/
26	memnyebabkan	1. /me-yebabkan/
27	menjadi	1. /men-yadi/
28	kemarau	1. /kemalau/
29	semua	1. /se-mu-a/
30	disemai	1. /disemai/ (e-taling)
31	Matahari pudar	1. /matahali puda/
32	Cahaya	1. /cahayo/ 2. /khahaya/
33	langit	1. /lakit/
34	mendung	1. /mendang/ (e-taling)
35	dingin	1. /dikin/
36	kebanjiran	1. /keban-yi-ran/
37	rendah	1. /lenda/ (e-taling)

Bilangan	Perkataan	Kesalahan
----------	-----------	-----------



38	tenggelam	1. /teng-ke-lam/
39	tempat	1. /tempat/ (e-taling)
40	barang	1. /balang/
41	seperti	1. /Sepeti/ 2. /Sepeti/ (e-taling)
42	sebagai	1. /sebakai/ 2. /sebakai/ (e-taling)
43	embun	1. /emban/ 2. /embun/ (e-taling)
44	penduduk	1. /pendudok/ 2. /penduduk/ (e-taling)
45	selalu	1. /selalu/ (e-taling)
46	tiba	1. /tibo/
47	kabus	1. /kabas/
48	selesema	1. /selesemo/ 2. /selesema/ (e-taling)
49	tiba	2. /tibo/
50	menjadi	1. /mencadi/ 2. /menyadi/
51	kabus	2. /kabas/
52	selesema	3. /selesemo/ 4. /selesema/ (e-taling)
53	menjadi	3. /mencadi/ 4. /menyadi/
54	Afrika	1. /Afika/
55	terletak	1. /teleta/ 2. /terletok/
56	Benua	1. /Benu-a/ 2. /Benua/ (e-taling)
57	pertengahan	1. /Pertengohan/ 2. /Petengahan/ (e-taling)



58	terakhir	1. /te-a-hi/ 2. /te-a-hi/ (e-taling)
59	memusnahkan	1. /memusna-kan/ 2. /memasnakan/
60	suasana	1. /su-a-sana/
61	utara	1. /utaro/ 2. /utala/
62	jadi	1. /cadi/ 2. Yadi
63	dengan	1. /dekan/ 2. /dekan/ (e-taling)
64	turun	1. /tulun/ 2. /tulan/
65	suhunya	1. /suhunyo/ 2. /suhu-ya/
66	saluran	1. /salulan/ 2. /saloran/
67	timur	1. /timor/ 2. /tima/
68	udara	1. /udaro/ 2. /yudala/
69	kabus	1. /kabas/
70	sering	1. /sering/ (e-taling)
Bilangan	Perkataan	Kesalahan
71	minus	1. /minas/
72	bermimpi	1. /bemimpi/
73	sesat	1. /sesat/ (e-taling)
74	bahagian	2. /bahaki-an/
75	tumpuan	1. /tampu-an/
76	ngeri	1. /keri/
77	lelah	1. /leloh/ 2. /lela/ (e-taling)

78	wilayah	1. /wilaya/
79	sebelah	1. /sebeloh/ 2. /sebelo/ (e-taling)
80	pelancong	1. /pelan-khong/ 2. /pelan-khong/ (e-taling)
81	seperti	1. /sepethi/ (e-taling)
82	tidak	1. /tidok/ 2. /thida/
83	salah	1. /saloh/ 2. /sala/
84	nyaman	1. /yaman/
85	sehingga	1. /sehingga/ 2. /sehingga/ (e-taling)
86	kemarau	1. /kemalau/
87	berlaku	1. /belaku/
88	contoh	1. /khontho/
89	untuk	1. /untok/ 2. /anthuk/
90	berbunga	1. /berbungo/ 2. /bebangka/ (e-taling)

Berdasarkan jadual di atas dapat dirumuskan kesalahan penyebutan bunyi konsonan dan vokal mengikuti huruf dalam Jadual 5. Terdapat 15 bunyi yang salah disebut terdiri daripada 6 bunyi vokal dan 9 bunyi konsonan. Terdapat 6 bunyi vokal yang salah disebut ialah /a/, /e/, /u/, /i/, dan /ua/, dan 9 bunyi konsonan yang salah disebut ialah bunyi konsonan /c/, /g/, /j/, /ny/, /ng/, /t/, /h/, /k/, dan /r/. Terdapat beberapa huruf yang dijumpai kesalahan penyebutan konsonan di awal perkataan, tengah perkataan dan akhir perkataan.

Jadual 6 : Kesalahan penyebutan bunyi konsonan dan vokal berdasarkan huruf

Huruf	Kesalahan yang dijumpai		
	Awal	Tengah	Akhir
/a/	-	/-ah/ disebut /-oh/	/-a/ disebut /-o/
/e/	kekeliruan /e/ "taling" dengan /e/	kekeliruan /e/ "taling" dengan /e/	-

	“pepet”	“pepet”	
/i/	-	-	/-im/ disebut /-em/
/u/	/u/ disebut /yu/ /-u/ disebut /-a/	/u/ disebut /a/	/-uk/ disebut /ok/
/ua/	-	-	/ua/disebut /u-a/
/c/	disebut /kh/	-	-
/g/	disebut /k/	disebut /k/	disebut /k/
/h/	-	-	-tidak disebut bunyi /h/
/j/	disebut /c/ dan /y/	disebut /c/ dan /y/	disebut /c/ dan /y/
/r/	-	tidak disebut bunyi /r/	tidak disebut bunyi /r/
/t/	disebut /th/	disebut /th/	-
/ng/	disebut /k/	disebut /k/	disebut /k/
/ny/	disebut /y/	disebut /y/	disebut /y/
/k/	-	-	tidak disebut bunyi /k/

Perbincangan Dapatan Kajian

Dua perkara yang dibincangkan dalam bahagian ini ialah kesalahan penyebutan berdasarkan huruf yang salah disebut untuk melihatkan faktor yang mempengaruhi kesalahan penyebutan bunyi konsonan dan vokal BM.

1. Analisis Kesalahan Berdasarkan Huruf

1.1 Kesalahan penyebutan bunyi vokal /a/

Kesalahan penyebutan huruf vokal /a/ telah disebut oleh 5 orang pelajar dan mereka menyebut bunyi /a/ dengan bunyi /o/ di huruf tengah dan huruf akhir seperti /sekolah/ disebut /sekoloh/ atau /tiga/ disebut /tigo/, /saya/ disebut /sayo/. Dari segi peratusan kesalahan penyebutan bunyi huruf /a/ tengah dan akhir adalah sama iaitu 13.8%. Dari segi latar belakang, 15 orang pelajar yang salah menyebut bunyi /a/ ini adalah pelajar Muslim yang boleh berbahasa Melayu Dialek Patani. (Sila lihat Jadual 7)

Jadual 7. Kesalahan penyebutan bunyi vokal /a/

Huruf	Kesalahan yang dijumpai		
	awal	tengah	akhir
a	-	/-ah/ disebut /-oh/	/-a/ disebut /-o/

Jumlah pelajar	-	5	5
Peratusan	0	13.8%	13.8%

1.2 Kesalahan penyebutan bunyi vokal /e/

Dapatan kajian memperlihatkan kekeliruan penyebutan bunyi Kesalahan bunyi vokal /e/ antara /e/ “taling” dengan /e/ “pepet”. Seramai 31 orang pelajar dengan peratusannya 88.11% salah menyebut /e/ pada huruf vokal pertama seperti /empat/ disebut /empat/ (/e/ “taling”). Begitu juga dengan huruf vokal /e/ di tengah perkataan, seramai 31 orang atau 88.11%, pelajar yang salah menyebut bunyi vokal tersebut dengan kekeliruan antara /e/ “taling” dengan /e/ “pepet”. Semua pelajar yang salah menyebut bunyi ini terdiri daripada pelajar yang tidak boleh berbahasa Melayu. (Sila lihat Jadual 8)

Jadual 8. Kesalahan Penyebutan Bunyi Vokal /e/

Huruf	Kesalahan yang dijumpai		
	awal	tengah	akhir
e	kekeliruan /e/ “taling” dengan /e/ “pepet”	kekeliruan /e/ “taling” dengan /e/ “pepet”	-
Jumlah pelajar	31	31	-
Peratusan	88.11%	88.11%	-

1.3 Kesalahan penyebutan bunyi vokal /i/

Kesalahan penyebutan huruf vokal /i/ telah disebut /e/ oleh 5 orang pelajar dan mereka menyebut bunyi /e/ huruf di akhir perkataan seperti /musim/ disebut /musem/. Dari segi peratusan kesalahan penyebutan bunyi huruf /i/ akhir iaitu 13.8%. Dari segi latar belakang, 5 orang pelajar yang salah menyebut bunyi /i/ disebut /e/ ini adalah pelajar Muslim yang boleh berbahasa Melayu Dialek Patani. (Sila lihat Jadual 9)

Jadual 9. Kesalahan penyebutan bunyi vokal /i/

Huruf	Kesalahan yang dijumpai		
	awal	tengah	akhir
i	-	-	/i/ disebut /e/
Jumlah pelajar	-	-	5
Peratusan	0	0	13.8%

1.4 Kesalahan penyebutan bunyi vokal /u/

Kesalahan penyebutan huruf vokal /u/ telah disebut /a/ oleh 31 orang pelajar dan mereka menyebut bunyi /u/ di awal perkataan seperti /untuk/ disebut /antuk/ dan 5 orang pelajar menyebut bunyi /u/ di akhir perkataan seperti /untuk/ disebut /untok/. Dari segi peratusan kesalahan penyebutan bunyi huruf vokal /u/ di awal perkataan disebut /a/ iaitu 88.11% dan kesalahan penyebutan bunyi huruf vokal /u/ di akhir perkataan disebut /o/ iaitu 13.8%. Dari segi latar belakang, 31 orang pelajar yang salah menyebut bunyi vokal /u/ di awal perkataan adalah pelajar yang bukan Muslim dan Muslim yang tidak boleh bertutur dalam BM dan 5 orang pelajar yang salah menyebut bunyi /u/ di akhir perkataan disebut /o/ ini adalah pelajar Muslim yang boleh berbahasa Melayu Dialek Patani. (Sila lihat Jadual 10)

Jadual 10: Kesalahan Penyebutan Bunyi Vokal /u/

Huruf	Kesalahan yang dijumpai		
	awal	tengah	akhir
u	/u/ disebut /a/	-	/u/ disebut /o/
Jumlah pelajar	31	-	5
Peratusan	88.11%	0	13.8%

1.5 Kesalahan Penyebutan Bunyi Vokal /ua/

Kesalahan penyebutan huruf vokal /ua/ telah disebut /u-a/ oleh 31 orang pelajar dan mereka menyebut bunyi /ua/ di awal perkataan seperti /suasana/ disebut /su-a-sana/ dan juga menyebut bunyi /ua/ di akhir perkataan seperti /benua / disebut /be nu-a/. Dari segi peratusan kesalahan penyebutan bunyi huruf vokal /ua/ di awal perkataan dan di akhir perkataan iaitu 88.11%. Dari segi latar belakang, 31 orang pelajar yang salah menyebut bunyi vokal /ua/ di awal perkataan dan di akhir perkataan adalah pelajar yang bukan Muslim dan Muslim yang tidak boleh bertutur dalam BM. (Sila lihat Jadual 11)

Jadual 11: Kesalahan Penyebutan Bunyi Vokal /ua/

Huruf	Kesalahan yang dijumpai		
	awal	tengah	akhir
ua	-	/ua/ disebut /u-a/	/ua/ disebut /u-a/
Jumlah pelajar	-	31	31
Peratusan	0	88.11%	88.11%

1.6 Kesalahan Penyebutan Bunyi Konsonan /g/

Penyebutan bunyi huruf konsonan /g/ adalah masalah besar yang pelajar beragama lain daripada Islam mengahadapinya. 13 orang pelajar (bukan Muslim) atau 36.11 % menyebut huruf ini dengan bunyi /k/ seperti perkataan /negara/ disebut /nekala/, dan

/tiga/ disebut */tika/*. Semua pelajar yang salah menyebut bunyi ini adalah pelajar bukan Muslim. Punca masalah ini adalah pengaruh ibunda iaitu BT yang tidak ada bunyi */g/* dalam sistem bunyinya. (Sila lihat Jadual 12)

Jadual 12. Kesalahan Penyebutan Bunyi Konsonan */g/*

huruf	Kesalahan yang dijumpai		
	awal	tengah	akhir
g	-	disebut <i>/k/</i>	-
Jumlah pelajar	-	28	-
Peratusan	-	77.77%	-

1.7 Kesalahan Penyebutan Bunyi Vokal */j/*

Seramai 15 orang pelajar atau 41.66% salah menyebut bunyi huruf konsonan */j/* dengan bunyi */y/* seperti */menjadi/* disebut */men-yadi/* atau */men-cadi/*, */juga/* disebut */cuka/* atau */yuka/* */hujan/* disebut */hu-yan/* atau */hucan/* dan */jalan/* disebut */yalan/* yang memberi makna lain. Semua yang salah menyebut adalah pelajar yang mempunyai latar belakangnya iaitu mereka tidak dapat berbahasa Melayu. Punca kesalahan ini juga bersama dengan kesalahan konsonan */g/* iaitu bunyi ini tidak ada dalam sistem bunyi BT. (Sila lihat Jadual 13)

Jadual 13: Kesalahan Penyebutan Bunyi Konsonan */j/*

huruf	Kesalahan yang dijumpai		
	awal	tengah	akhir
j	disebut <i>/y/</i>	disebut <i>/y/</i> dan <i>/c/</i>	disebut <i>/y/</i> dan <i>/c/</i>
Jumlah pelajar	15	15	15
Peratusan	41.66%	41.66%	41.66%

1.8 Kesalahan penyebutan bunyi konsonan */r/*

Terdapat bunyi huruf konsonan */r/* dalam BT tetapi masalah penyebutan konsonan ini yang pelajar seringkali menghadapi adalah */r/* yang bertugas sebagai konsonan penutup. Dalam BT */r/* yang bertugas sebagai konsonan penutup akan ditukarkan kepada bunyi */n/* seperti perkataan */ڤڤڤ/* dalam BT yang bermaksud “doa” disebut */phon/*. Seramai 13 orang pelajar dengan peratusannya 36.11% tidak boleh menyebut bunyi */r/* konsonan penutup. Mereka juga menyebut bunyi */r/* disebut bunyi */l/* seperti perkataan */merupakan/* disebut *melupakan/*, */ramai-ramai/* disebut */lamai-lamai/*, dan perkataan */rendah/* disebut */lendah/*. Mereka semua adalah pelajar yang bukan Muslim. Punca yang menyebabkan pelajar Muslim boleh menyebut bunyi */r/* ini kerana mereka mempunyai asas Bahasa Arab dan Dielek Melayu Patani (DMP). (Sila lihat Jadual 14)

Jadual 14: Kesalahan Penyebutan Bunyi Konsonan */r/*

huruf	Kesalahan yang dijumpai		
	awal	tengah	akhir
r	/r/ disebut //	r/ disebut //	- r/ disebut // -tidak disebut bunyi /r/ (konsonan penutup)
Jumlah pelajar	13	13	13
Peratusan	36.11%	36.11%	36.11%

1.9 Kesalahan penyebutan bunyi konsonan /ng/

Penyebutan bunyi huruf konsonan /ng/ adalah masalah besar yang pelajar yang bukan Muslim mengahadapinya. 10 orang pelajar (bukan Muslim) atau 27.77 % menyebut huruf ini dengan bunyi /k/ seperti perkataan /sangat/ disebut /sakat/, dan /angin/ disebut /angkin/. Semua pelajar yang salah menyebut bunyi ini adalah pelajar bukan Muslim. Punca masalah ini adalah kerana mereka kekeliru dengan huruf konsonan /g/. (Sila lihat Jadual 15)

Jadual 15: Kesalahan Penyebutan Bunyi Konsonan /ng/

huruf	Kesalahan yang dijumpai		
	awal	tengah	akhir
ng	-	-	disebut /k/
Jumlah pelajar	-	-	10
Peratusan	0	0	27.77%

1.10 Kesalahan Penyebutan Bunyi Konsonan /ny/

Penyebutan bunyi huruf konsonan /ny/ adalah masalah besar yang pelajar yang bukan Muslim mengahadapinya. 10 orang pelajar (bukan Muslim) atau 27.77 % menyebut huruf ini dengan bunyi /y/ seperti perkataan /udaranya/ disebut /udara-ya/, dan /menyebabkannya / disebut /me-yebabkan-ya/ dan /nyaman/ disebut /ya-man/. Semua pelajar yang salah menyebut bunyi ini adalah pelajar bukan Muslim. Punca masalah ini adalah kerana mereka kekeliru dengan huruf konsonan /g/. (Sila lihat Jadual 16)

Jadual 16: Kesalahan Penyebutan Bunyi Konsonan /ny/

Huruf	Kesalahan yang dijumpai		
	Awal	Tengah	Akhir
ny	disebut /y/	disebut /y/	disebut /y/
Jumlah pelajar	10	10	10
Peratusan	27.77%	27.77%	27.77%

1.11 Kesalahan Penyebutan Bunyi Konsonan /c/

Bunyi huruf konsonan /c/ adalah satu konsonan yang pelajar salah menyebut. Seramai 20 orang atau 55.55% menyebut huruf konsonan /c/ dengan bunyi /kh/. Contoh yang jelaskan masalah ini adalah perkataan /cuaca/ yang disebut /khua-kha/, /contoh/ disebut /khontoh/. Semua pelajar yang menghadapi masalah penyebutan huruf konsonan /c/ ini terdiri daripada pelajar yang tidak boleh berbahasa Melayu langsung dan mereka keliru dengan bunyi /c/ dalam bahasa Inggeris. Terdapat 7 orang pelajar daripada 20 orang ini adalah pelajar yang beragama Islam tetapi mereka tidak dapat berbahasa Melayu. (Silalihat Jadual 17)

Jadual 17: Kesalahan Penyebutan Bunyi Konsonan /c/

Huruf	Kesalahan yang dijumpai		
	Awal	Tengah	Akhir
c	disebut /kh/	-	disebut /kh/
Jumlah pelajar	20	-	20
Peratusan	55.55%	0	55.55%

1.12 Kesalahan Penyebutan Punyi Konsonan /h/

Berdasarkan Jadual 18 bunyi huruf konsonan /h/ pada akhir perkataan tidak akan disebut oleh seramai 13 orang pelajar atau dengan 36.11%. 13 orang pelajar ini juga terdiri daripada pelajar yang tidak boleh berBM dan bukan Muslim. Punca masalah penyebutan bunyi ini adalah dalam bahasa Thai dan bahasa Inggeris yang bertugas sebagai konsonan penutup tidak akan disebut bunyinya seperti /rendah/ disebut /renda/ /contoh/ disebut /conto/ atau /khonto/ /sebelah/ disebut /sebela/ (hilangkan bunyi /h/). Ababila perkataan BM yang konsonan penutupnya adalah konsonan /h/ mereka juga tidak menyebut bunyi ini.

Jadual 18. Kesalahan Penyebutan Bunyi Konsonan /h/

Huruf	Kesalahan yang dijumpai		
	Awal	Tengah	Akhir
h	-	-	-tidak disebut bunyi /h/
Jumlah pelajar	-	-	13
Peratusan	-	-	36.11%

1.13 Kesalahan penyebutan bunyi vokal /t/

Konsonan terakhir yang pelajar salah menyebut adalah bunyi konsonan “t”. Seramai 15 orang pelajar salah menyebut bunyi huruf konsonan “t” dengan bunyi /th/ di awal perkataan dan 15 orang pelajar atau 50% salah menyebut konsonan ini di tengah perkataan. Pengaruh penting yang salahkan penyebutan ini adalah BI. Pelajar yang salah menyebut ini terdiri daripada pelajar yang Muslim dan bukan Muslim yang tidak boleh bertutur BM. (Sila lihat Jadual 19)

Jadual 19 : Kesalahan Penyebutan Bunyi Konsonan /t/

Huruf	Kesalahan yang dijumpai		
	Awal	Tengah	Akhir
t	disebut /th/	disebut /th/	-
Jumlah pelajar	15	15	-
Peratusan	50%	50%	

2. Punca Masalah Penyebutan Bunyi Konsonan dan Vokal BM

Berdasarkan dapatan kajian boleh memperlihatkan beberapa faktor kesalahan penyebutan pelajar seperti yang berikut:

1) Pengaruh DMP

Pelajar yang boleh berbahasa DMP akan menyebut bunyi konsonan dan vokal mengikut perkataan dalam DMP yang mereka selalu menggunakan dalam kehidupan seharian terutamanya bunyi vokal /a/ pada akhir perkataan akan disebut /o/ dengan autometik apabila perkataan itu dilihat seperti /negara/ disebut /nagaro/.

2) Bunyi Konsonan atau Vokal BM yang Tiada dalam B1 dan B2

Pembahagian kesalahan yang berdasar bahasa asing ini ialah agama. Tetapi agama bukan pengaruh secara langsung terhadap masalah penyebutan bunyi konsonan dan vokal bahasa Melayu. Pengaruhnya ialah BA yang semua orang Muslim mesti belajar untuk membaca kitab suci Alquran. Boleh dikatakan bahawa BA mempengaruhi penyebutan BM melalui agama Islam. Terdapat tiga bahasa asing yang mempengaruhi pelajar yang belajar BM di Kolej Kesihatan Sririnthorn Yala iaitu BT dan BI mempengaruhi pelajar bukan Muslim yang tidak boleh berbahasa DMP. Manakala BI dan BA mempengaruhi pelajar Muslim yang tidak boleh berbahasa DMP. Dapatan kajian boleh memperlihatkan beberapa kesalahan yang berdasarkan pengaruh bahasa asing iaitu:

2.1) Kekeliruan penyebutan konsonan dan vokal yang sama dengan BI seperti konsonan c, dan t seperti /contoh/ disebut /khonto/, /tempat/ disebut /thempat/ .

2.2) Salah menyebut bunyi konsonan yang tidak ada dalam BT dan BI seperti konsonan g dan j. Contohnya /sebagai/ disebut /sebakai/ atau /jalan/ disebut /yalan/ yang memberi makna lain.

2.3) Tidak boleh menyebut konsonan penutup yang tidak berbunyi dalam BT dan BI. Dua konsonan yang pelajar tidak boleh menyebut ialah konsonan “h” dan “r” seperti /sebelah/disebut /sebelah/, /gambar/ disebut /kamba/. Masalah ini hanya dilakukan dalam golongan pelajar yang tidak tahu BA dan pelajar yang bukan Muslim sahaja.

2.4) Kekeliruan /e/ “taling” dengan /e/ “pepet”. Bunyi vokal “e” yang tidak ada konsonan penutup di awal dan tengah perkataan sebagai salah satu kesalahan besar yang dijumpai. Berdasarkan dapatan kajian semua pelajar yang tidak boleh berbahasa DMP salah menyebut perkataan yang vokal “e” terletak di awal dan tengah.

2.5) Kemahiran BA pelajar Muslim sebagai kesan yang baik terhadap penyebutan bunyi konsonan BM kerana terdapat beberapa konsonan BA yang hampir sama dengan BM seperti ع, ح dengan bunyi /g/ dan /j/. Begitu juga dengan ا, آ dengan bunyi /h/ yang bertugas sebagai konsonan penutup. (Chaiwat Meesanthan, 2014:16-17)

Kesimpulan

Berdasarkan maklumat yang di dapati daripada kajian yang dilakukan setiap orang pelajar menghadapi masalah penyebutan bunyi konsonan dan vokal yang berbeza. Analisis kesalahan penyebutan membahagikan pelajar kepada dua kumpulan iaitu kumpulan pertama, pelajar-pelajar yang boleh berbahasa DMP. Kumpulan yang kedua, pelajar-pelajar yang tidak dapat berbahasa DMP langsung. Pelajar kumpulan pertama menghadapi masalah pengaruh dialek dengan bahasa baku seperti “negara” disebut /negaro/, /apabila/ disebut /apobilo/. Kumpulan yang kedua menghadapi masalah kekeliruan bunyi konsonan seperti /c/ dengan /kh/ seperti /cuaca/ disebut /khuakha/, /g/ dengan /k/ seperti /tiga/ disebut /tika/, /j/ dengan /y/ seperti /hujan/ disebut /huyan/. Manakala penyebutan bunyi vokal juga di jumpai masalah seperti kekeliruan /e/ “taling” dengan /e/ “pepet”.

Punca yang membuatkan mereka setiap kumpulan menghadapi masalah tersebut juga berbeza. Kumpulan pertama adalah disebabkan pengaruh DMP selaras dengan pendapat Azman Wan Chik (1989: 208), merumuskan bahawa kebanyakan kesilapan berbahasa berpunca daripada gangguan daripada bahasa ibunda atau dialek bahasa pertuturan harian, bahasa daerah, bahasa lisan dan bahasa pasar. Gangguan ini timbul kerana tiadanya bentuk atau struktur yang serupa dalam bahasa pertama dengan bahasa yang dipelajari. Ini mengakibatkan generalisasi yang salah

Kumpulan yang kedua pula berpunca daripada pengaruh bahasa pertama atau ibunda dan bahasa kedua. Terdapat tiga bahasa asing yang berpengaruh dalam penyebutan bunyi konsonan dan vokal BM iaitu BT yang sebagai bahasa ibunda pelajar. BI sebagai bahasa yang kedua yang mempengaruhi penyebutan bunyi BM mereka. Bahasa terakhir yang mempengaruhi penyebutan mereka adalah BA. Pelajar Muslim yang tidak boleh berbahasa DMP boleh menyebut beberapa konsonan yang orang bukan Muslim mengelirukan penyebutan bunyi /g/, /j/ dan tidak boleh menyebut bunyi /h/ dan /r/ apabila ia sebagai konsonan penutup. Kemahiran BA ini adalah kesan yang baik bagi penyebutan BM. Walaupun orang yang beragama Islam akan boleh menyebut beberapa konsonan dalam BM yang tidak ada dalam sistem BT dan BI dengan betul tetapi agama bukan pengaruh terhadap penyebutan bunyi konsonan dan

vokal BM. Pengaruh sebenarnya ialah BA yang pelajar Muslim belajar melalui pengajaran agama untuk membaca kitab suci Alquran.

Hasil kajian ini memperlihatkan masalah penyebutan bunyi konsonan dan vokal BM yang dihadapi oleh pelajar Thai yang belajar BM. Kesalahan dan punca kesalahan ini sangat penting bagi pensyarah atau guru BM di Thailand. Pengajar BM boleh menggunakan kesalahan ini untuk menyediakan latihan penyebutan yang sesuai kepada pelajar dalam kelas untuk mengurangkan masalah kesalahfahaman makna BM yang akan dilakukan pada masa hadapan. Kajian ini diharapkan akan menjadi panduan kepada pensyarah-pensyarah mengatasi masalah penerapan kemahiran berbahasa Melayu kepada pelajar-pelajar Thai.

Bibliografi

Azman Wan Chik. (1989) "*Kesalahan Penggunaan Bahasa Malaysia oleh murid-murid Melayu*" dlm Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim dan Masyudi Kader (ed.) *Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chaiwat Meesanthan. (2014). *Masalah Penyebutan Bunyi Konsonan dan Vokal Bahasa Melayu di Dalam Kalangan Pelajar-pelajar Thai: Kajian Kes di Universiti Thammasat*, Bangkok, Thailand.

Muhammad Ariff B Ahmad. (1979). *Masalah-masalah pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua*, Singapore Journal of Education, 2(1), 61-68

<http://ms.wikipedia.org>

<http://www.yala.ac.th>

<http://www.yru.ac.th>